

**Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Institut Kemahiran Mara Johor Bahru  
Memilih Latihan Vokasional**  
Abd. Wahid Mukhari & Rafeizah Binti Mohd Zulkifli  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sumber maklumat pelajar tentang latihan vokasional dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Institut Kemahiran Mara Johor Bahru menceburi bidang vokasional. Kajian ini melibatkan kajian secara distrikatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Seramai 100 orang responden digunakan sebagai sampel kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS 15.0. Kajian rintis yang telah dijalankan memperolehi darjah kebolehpercayaan sebanyak 0.865. Analisis data dilakukan secara frekuensi, peratus dan min. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa rakan merupakan sumber maklumat utama pelajar berkaitan latihan vokasional. Manakala faktor utama yang mempengaruhi pelajar menceburi bidang vokasional adalah faktor kerjaya yang disediakan didalam bidang tersebut. Daripada kajian yang dijalankan juga didapati responden mempunyai persepsi yang positif terhadap Institut Kemahiran mara ketika memilih latihan vokasional di Institusi tersebut.

*Katakunci :* faktor, latihan vokasional

### **Pengenalan**

Pada lewat tahun 1980, perubahan pesat dalam ekonomi Malaysia telah memperlihatkan kekurangan tenaga kerja berkemahiran terutamanya dalam sector pembuatan. Kekurangan tenaga mahir ini bertambah buruk menjelang tahun 1990 sehingga diwujudkan jawatan ahli kabinet di dalam bidang latihan kemahiran. Dalam laporan akhir pada tahun 1991, mesyuarat ahli kabinet telah mencadangkan enam belas polisi yang membawa ke arah penubuhan dan usaha memperkuuhkan sistem latihan kemahiran. Tujuan polisi ini dilaksanakan adalah bermatlamatkan tiga objektif iaitu:

- i. Meningkatkan maklumbalas pusat latihan kemahiran dengan keperluan pasaran semasa
- ii. Memperluaskan peranan sektor swasta
- iii. Memperkuuhkan perhubungan sistem latihan dan perubahan teknologi.

(Sumber: MLVK ,2005)

Selain itu Leonard (1989) turut menjelaskan bahawa di negara Jepun, pihak industri juga telah menyedari kepentingan latihan teknik dan vokasional. Beliau menyatakan bahawa tiga suku daripada pusat latihan vokasinal di Jepun disediakan oleh pihak industri itu sendiri. Syarikat-syarikat Jepun berpendapat pendidikan, adaptasi kemahiran, dan sifat inovatif semasa kerja akan memberikan sumbangan ekonomi yang besar kepada pihak syarikat.

Dalam usaha membangunkan modal insan, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tumpuan akan diberikan kepada latihan kemahiran dan kepakaran teknikal. Peruntukan sebanyak RM493 juta akan diberikan bagi menampung enrolmen pelajar sekolah teknik, vokasional dan latihan kemahiran yang akan ditingkatkan daripada 72,000 orang pelajar pada tahun ini kepada 98,000 orang pelajar pada tahun depan. Selain itu, katanya peruntukan hampir RM1 bilion disediakan bagi latihan perdagangan dan industri yang dilaksanakan di Institut Kemahiran Mara

(IKM), Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi. (Berita Harian, 30 September 2006)

Institut Kemahiran Mara merupakan salah satu institut kemahiran yang berada dibawah Majlis Latihan Vokasional Malaysia. Sebanyak 14 buah IKM telah dibina di seluruh negara dari sejak IKM yang pertama dibina di Melaka pada tahun 1968. Keluasan setiap IKM adalah berbeza dari yang paling kecil iaitu 42,166 kaki persegi di IKM Petaling Jaya kepada yang paling besar iaitu 50 ekar di IKM Besut, Terengganu. Kapasiti pelatih juga berbeza bagi setiap IKM iaitu mengikut keluasan tempat dan kemudahan yang telah diadakan (MARA, 2007).

Sehubungan dengan itu, aliran kemahiran menjadi penting dalam program-program pembangunan sumber manusia dan secara langsung merupakan satu haluan yang selari dengan aliran akademik. Hal ini telah membolehkan pelajar lepasan sekolah menengah untuk membuat pilihan tentang haluan dan bidang kerjaya yang hendak mereka ceburi. Hakikat inilah yang telah menjadi asas utama di dalam Pembangunan Institut Kemahiran Mara (MARA, 2007).

### **Pernyataan Masalah**

Latihan vokasional merupakan satu pendidikan yang memberi peluang kepada pelajar dalam mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang lebih mendalam dalam bidang yang berkaitan dengan industri. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar di Institusi Kemahiran Mara Johor Bahru memilih latihan vokasional.

### **Objektif Kajian**

Objektif yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti sumber maklumat pelajar IKM JB berkaitan latihan vokasional
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar IKM JB memilih latihan vokasional
- iii. Mengenalpasti persepsi pelajar IKM JB terhadap Institut Kemahiran Mara ketika memilih latihan vokasional.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada faktor-faktor yang mendorong pelajar Institut Kemahiran Mara Memilih latihan vokasional. Kajian ini berkepentingan untuk:

- i. Memberi panduan yang kepada Jabatan Teknik dan Vokasional untuk merancang program yang tersusun dalam meningkatkan jumlah kemasukan pelajar dalam aliran vokasional.
- ii. Memberi pengetahuan kepada pihak institusi tentang faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar mengambil bidang kursus yang ditawarkan.
- iii. Memberi panduan kepada pihak institusi di dalam memperbaiki atau mengatur program-program yang membolehkan pelajar memilih kursus yang ditawarkan di dalam sesebuah institusi.
- iv. Mengenalpasti kaedah yang berkesan untuk menyebarkan maklumat berkaitan latihan vokasional.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihal atau deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang dibuat secara kajian kes. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta

dengan tepat (Mohd Najib, 1998). Oleh itu, penggunaan soal selidik adalah satu kaedah yang paling sesuai dalam pengumpulan data kerana kaedah analisis datanya mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama (Mohd Najib, 1998). Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd. Najib, 2003). Oleh sebab itu, penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Penggunaan soal selidik juga boleh membantu penyelidik menentukan sifat ‘impersonal’ dalam jawapan dan keseragaman dikalangan responden. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan disamping ia dapat memperolehi maklumat yang tepat dari responden (Ary, Jacob dan Razarieh, 1990).

Penyelidikan yang akan dijalankan ini, hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar Institusi Kemahiran Mara yang mengambil kursus peringkat sijil teknologi. Kursus yang terlibat adalah Sijil Teknologi Elektrik Domestik dan Industri dan Sijil Teknologi Elektrik Kuasa Penjana Jentera A1. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Institut Kemahiran Mara Johor Bahru memilih latihan vokasional, sumber maklumat yang mempengaruhi mereka memilih latihan vokasional dan persepsi mereka terhadap Institut Kemahiran Mara ketika memilih latihan vokasional.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Kemahiran Mara Johor Bahru yang mengambil Sijil Teknologi dalam bahagia Elektrik. Melalui maklumat yang telah diperolehi daripada pihak Institut Kemahiran MARA jumlah pelajar-pelajar yang mengambil Kursus Sijil Teknologi (Elektrik) ini adalah seramai 180 orang. Berpandukan jadual “*Determining Sample Size For Research*” oleh Krijcie dan Morgan (1970) jumlah populasi seramai 180 orang memerlukan sampel seramai 123 orang. Oleh itu bagi memperolehi jumlah sampel yang dapat mewakili populasi seramai 123 orang pelajar Sijil Teknologi (Elektik) akan dijadikan sampel bagi kajian ini. Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, alat atau instrumen pengukuran yang digunakan adalah satu set borang soal selidik yang dirangka bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Ia merupakan instrumen kajian yang lazim digunakan dalam kajian deskriptif. Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik ialah alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden dan produk kepada penggunaan alat pengukur ini adalah data. Pembinaan soal selidik pula, dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Wolf (dalam Megat Azizi, 2002), iaitu :-

- i) Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik dengan baik.
- ii) Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item di dalam soal selidik.
- iii) Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A, dan Bahagian B. Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan demografi responden yang mempunyai tujuh item yang merangkumi soalan seperti umur, jantina dan kursus yang diikuti, kelulusan akademik dan maklumat keluarga. Latar belakang responden ini amat

penting bagi kegunaan penyelidikan membuat perkaitan dengan persoalan yang hendak dikaji mengikut keperluan tertentu. Responden dikehendaki menandakan tanda √ pada ruang petak yang disediakan serta menyatakan jawapan pada ruang kosong yang diberikan.

Bahagian B terdiri daripada 24 soalan yang berkaitan dengan sumber pelajar memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional,faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih latihan vokasional dan persepsi pelajar terhadap Institut Kemahiran Mara. Jadual 1 menunjukkan pembahagian kandungan soal selidik.

**Jadual 1:** Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Bilangan Item
A	Latar Belakang Responden	7
B	Persoalan Kajian 1 : Sumber pelajar memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional	7
	Persoalan Kajian 2 : Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih latihan vokasional	12
	Persoalan Kajian 3 : Persepsi pelajar terhadap IKM ketika memilih latihan vokasional	5

Pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik Bahagian B adalah berdasarkan kepada Skala Pemeringkatan 5 mata yang terdiri daripada lima bentuk pilihan jawapan. Skala ini digunakan untuk mengenalpasti sumber maklumat yang mempengaruhi pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dan persepsi pelajar terhadap Institut Kemahiran Mara. Pilihan jawapan bagi aspek-aspek ini ialah “Amat Tidak Setuju”, “ Tidak Setuju”, “ Kurang Setuju”, “ Tidak Setuju” dan “Amat Setuju” di mana responden dikehendaki menjawab soalan dengan membulatkan skor pada ruang jawapan yang telah disediakan.

### Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Ianya membolehkan penyelidik mengenalpasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjaskan hasil kajian Sprinthal (dalam Megat Azizi, 2002).

Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Kajian rintis ini telah dijalankan di Institut Kemahiran Mara Johor Bahru. Di dalam kajian rintis ini seramai 40 orang responden telah dipilih. Responden ini terdiri daripada pelajar institut Kemahiran Mara yang mengambil kursus Sijil Teknologi Mekanikal Lukisan dan Rekabentuk dan Sijil Teknologi Kimpalan.

## Analisis Data

Analisis bagi persoalan 1, apakah sumber maklumat pelajar Institut Kemahiran Mara berkaitan latihan vokasional dilakukan dengan menggunakan kekerapan, peratusan dan min (purata). Keseluruhan dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

**Jadual 2:** Taburan Responden Mengikut Frekuensi, Peratus dan Min bagi Persoalan Kajian 1 Mengikut Kedudukan Min.

Item	Pernyataan	ATS	TS	KS	S	AS	Min
1.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada rakan-rakan saya	3	9	20	55	13	3.66
		3%	9%	20%	55%	13%	
		<b>Tidak Setuju = 32%</b>					
6.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada surat khabar berkaitan bidang vokasional yang luas dan pelbagai	2	9	30	42	17	3.63
		2%	9%	30%	42%	17%	
		<b>Tidak Setuju = 41%</b>					
4.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada kakak/abang saya yang banyak menceritakan tentang kelebihan menceburi bidang vokasional	11	11	27	29	22	3.4
		11%	11%	27%	29%	22%	
		<b>Tidak Setuju = 49%</b>					
5.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada iklan-iklan di radio berkaitan bidang vokasional yang luas dan mempunyai peluang kerjaya yang baik	7	10	32	39	12	3.39
		7%	10%	32%	39%	12%	
		<b>Tidak Setuju = 49%</b>					
3.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada ibu bapa saya yang banyak menceritakan tentang kelebihan menceburi bidang vokasional	9	10	32	33	16	3.37
		9%	10%	32%	33%	16%	
		<b>Tidak Setuju = 51%</b>					
7.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada iklan-iklan di television	9	11	43	32	5	3.13
		9%	11%	43%	32%	5%	
		<b>Tidak Setuju = 63%</b>					
2.	Saya memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada guru kaunseling saya ketika saya disekolah	10	16	40	26	8	3.06
		10%	16%	40%	26%	8%	
		<b>Tidak Setuju = 66%</b>					

Data yang telah dianalisis dalam Jadual 4.9 menunjukkan skor min yang tertinggi adalah sebanyak 3.66 diperolehi pada item 1 iaitu seramai 32 peratus responden tidak bersetuju dan 68 peratus responden bersetuju menyatakan bahawa mereka memperolehi banyak maklumat mengenali latihan vokasional daripada rakan-rakan mereka.

Ini diikuti dengan skor min kedua tertinggi sebanyak 3.63 pada item enam dengan 41 peratus responden tidak bersetuju dan 59 peratus responden bersetuju mengatakan bahawa

mereka memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional daripada iklan-iklan di surat khabar.

Skor min ketiga tertinggi menunjukkan nilai bacaan sebanyak 3.4. Analisis item ini menunjukkan 49 peratus responden tidak bersetuju dan 51 peratus responden bersetuju mengatakan bahawa mereka memperolehi banyak maklumat mengenai latihan vokasional daripada kakak atau abang mereka.

Skor min keempat tertinggi ialah sebanyak 3.39 dengan 49 peratus responden tidak bersetuju dan 51 peratus responden bersetuju mengatakan bahawa mereka memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional daripada iklan-iklan diradio.

Skor min kelima tertinggi ialah sebanyak 3.37 dengan 51 peratus responden tidak bersetuju dan 49 peratus responden bersetuju mengatakan bahawa mereka memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional daripada ibubapa mereka. Ianya diikuti dengan skor min ditempat keenam sebanyak 3.13 dengan 63 peratus responden tidak bersetuju dan 37 peratus responden bersetuju mengatakan bahawa mereka memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional daripada iklaniklan di televesion.

Skor min terendah ialah 3.06 iaitu 66 peratus responden tidak bersetuju dan 34 peratus responden bersetuju mengatakan bahawa mereka memperolehi maklumat mengenai latihan vokasional daripada guru kaunseling ketika mereka di sekolah.

Secara umumnya penyataan yang menyatakan bahawa responden mendapat maklumat daripada rakan-rakan menunjukkan keputusan min tertinggi iaitu sebanyak 3.66. Penyataan yang menyatakan bahawa responden memperolehi maklumat dari iklan-iklan di radio memperolehi min diperingkat pertengahan dengan keputusan min 3.39. Penyataan yang menyatakan bahawa responden memperolehi maklumat daripada guru kaunseling disekolah mendapat keputusan min yang terendah iaitu sebanyak 3.06

## **Perbincangan**

Rumusan kajian ini dibuat berpandukan kepada seluruh aspek dalam penyelidikan yang telah dilaksanakan bagi mengetahui sumber maklumat pelajar tentang latihan vokasional, faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar memilih latihan vokasional dan perspektif pelajar terhadap IKM dalam mempengaruhi mereka memilih latihan Vokasional.

Di negara kita, pendidikan vokasional secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai suatu program pendidikan atau latihan yang berasaskan kemahiran teknikal untuk melahirkan gunatenaga mahir dan separa mahir (Ramlee 1999). Pendidikan Teknik dan Vokasional dilaksanakan bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir bagi pembangunan masyarakat dan negara. Pendidikan teknik dan vokasional juga memberi peluang kepada individu untuk memperkembangkan bakat dan kebolehan yang terdapat dalam diri mereka.

Salah satu institut yang menganjurkan Pendidikan Teknik dan Vokasional di negara kita ialah Institut Sebanyak 14 buah IKM telah dibina di seluruh negara dari sejak IKM yang pertama dibina di Melaka pada tahun 1968. Asas utama dalam pembangunan Institut Kemahiran Mara ialah untuk menyediakan pilihan dan haluan dalam bidang kerjaya kepada para pelajar.

Lazimnya remaja mempunyai kerjaya idaman mereka yang tersendiri. Bermula zaman kanak-kanak lagi, mereka sudah mempunyai cita-cita ingin menjadi doktor, penyanyi atau pelakon. Namun tidak kurang mereka yang sering bertukar cita-cita kerana telah dipengaruhi oleh persekitaran. Pemilihan kerjaya ini juga yang akan mendorong seseorang itu untuk memilih bidang pengajian yang berkaitan dengan cita-cita mereka. Misalnya jika seseorang itu bercita-

cita untuk menjadi seorang doktor maka aliran pengajian yang akan diambil oleh beliau ialah pengajian bidang perubatan. Manakala seseorang yang ingin menjadi seorang jurutera pula akan memilih bidang pengajian yang berkaitan dengan kejuruteraan.

Salah satu bidang pengajian yang menjadi tumpuan remaja adalah bidang berkaitan kemahiran atau lebih dikenali sebagai latihan vokasional. Latihan vokasional merupakan satu pendidikan yang memberi peluang kepada pelajar dalam mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang lebih mendalam dalam bidang yang berkaitan dengan industri. Terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi remaja untuk menceburi bidang vokasional ini. Menyedari akan hakikat tersebut penulis telah menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktorfaktor yang mempengaruhi pelajar di Institusi Kemahiran Mara memilih latihan vokasional.

Dalam aspek kepentingan kajian, kajian ini akan membawa manfaat kepada Jabatan Teknik dan Vokasional, pihak institusi, penyelidik sendiri dan para penyelidik akan datang. Dalam kajian ini beberapa objektif digariskan agar dapat memenuhi matlamat kajian. Berpandukan objektif kajian tersebut, beberapa persoalan kajian dibina bagi memperjelaskan arah tuju kajian ini dalam batasanbatasan kajian yang telah ditetapkan. Untuk mempermudahkan proses pemahaman pula beberapa definisi dan istilah diuraikan dengan lebih lanjut bersetujuan dengan konteks kajian ini.

Untuk memandu penyelidik agar tidak tersasar dari landasan kajian, penyelidik melakukan beberapa rujukan terhadap konsep dan teori-teori yang dikeluarkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini. Huraian dan perbincangan terhadap konsep dan teori-teori tersebut penyelidik muatkan dalam bab sorotan kajian penulisan ini. Aspek yang diuraikan dan dibincangkan adalah berkaitan dengan teori dalam membuat keputusan, sumber maklumat berkaitan latihan vokasional dan faktor yang mempengaruhi memilih latihan vokasional.

Contoh teori-teori tersebut adalah seperti yang dikeluarkan Zaccaria (1969) yang menyatakan teori berkaitan pemilihan kerja boleh dikelaskan kepada empat jenis iaitu teori faktor dan sifat, teori pola penghidupan, teori sosiologi dan teori keperluan. Selain itu Mohd Yahya (2001) juga telah mengemukakan tujuh faktor yang mempengaruhi seseorang menceburi kerjaya pilihan mereka. Antaranya ialah untuk memenuhi minat, menguji keupayaan dan kebolehan, mencari kepuasan, mencari sumber kewangan, memupuk sokongan sosial, membina identiti dan harga diri dan mencari kedudukan

Teori daripada Holland (1966) pula menyatakan, kebanyakkan individu boleh dikategorikan kepada satu daripada enam jenis personaliti iaitu Realistik, Investigatif, Artistik , Sosial, *Enterprising* dan *Conventional*. Setiap jenis personality ini adalah terbentuk hasil daripada interaksi antara pelbagai desakan kebudayaan dan personal termasuklah rakan sebaya, warisan biologi, keluarga, kelas sosial, budaya dan persekitaran fizikal. Hasil daripada interaksi antara individu dengan faktor-faktor ini, individu akan menyukai aktiviti-aktiviti tertentu dan tidak kepada aktiviti-aktiviti yang lain. Seterusnya, aktiviti-aktiviti ini kian diminati dan minat ini mendorong kepada pembentukkan kumpulan kecekapan yang tertentu

Berkaitan dengan faktor yang mendorong pelajar memilih latihan vokasional, hasil kajian yang dilakukan oleh Zakaria (1985) menunjukkan rakan sebaya merupakan sumber utama dimana pelajar sekolah menengah memperolehi maklumat mengenai pendidikan vokasional. Guru dan ahli keluarga pula merupakan sumbersumber yang penting dalam menyediakan maklumat mengenai pendidikan vokasional.

Menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Zakaria (1985), didapati ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah vokasional atas kemahuan anak itu sendiri. Selain itu terdapat juga pendapat yang menyatakan latihan vokasional mempunyai banyak kemudahan-kemudahan untuk anak-anak mereka memperolehi kemahiran dan peluang pekerjaan pada masa akan datang.

Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan, nilai Alpha Cronbach sebanyak 0.865 telah diperolehi. Nilai Alpa ini menunjukkan bahawa soal sellidik yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan kuat. Oleh yang demikian kajian sebenar berkaitan dengan topik ini berpotensi untuk mendapat maklumbalas seperti yang diharapkan oleh penyelidik.

## Rujukan

- Ary, D., Jacobs, L.C., dan Razaveih, A.(1990). *Introduction to Research In Education* (4th edition). Orlando: Harcourt Brace Publishers.
- Atan Long (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Bailey, T. R(1997). *Integrating Academic and Industry Skill Standard*. Berkeley: National Center for Research in Vocational Education :University of California.
- Berelson, Bernard (1994). *Kesan Minimum Media*. Dalam Md Salleh Kassim. *Isu-Isu Komunikasi Massa*. (19-29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Caroline S. Fawcett and Sarah, Howden (1998). Gender Issues in Technical Training and Vocational Education Program: Wasinton DC: N WID
- Holland, J.L (1973). *Making Vocational Choices: A Theory of Careers*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall,
- Kamus Dewan (1996).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan (1994).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Musgrove, F (1993). *The Family Education and Society*. London: Routledge & Kegan Amil
- Noor Bathi Badarudin (1988). *Teori Komunikasi Massa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Otto, L (1996). *Helping Your Children Choose A Career*. Indianapolis : JIST Works. Inc.
- Papalia, D. dan Olds, S (1989). *Human Development*, Fourth Edition. New York: McGraw-Hill Books Company.
- Robyn Wolley (2006, February 24). Women in Adult and Vocational Education. Vocational Education and Training Issues Paper. Retrieve 30 March 2008, from [www.ipart.nsw.gov.au](http://www.ipart.nsw.gov.au)
- Subedi, B. R. (2003). *Factors Influencing High School Student Achievement in Nepal. Instructional Education Journal*. 4 (2): 98 – 107.
- Sharifah Alwiyah Alsagof (1986). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia).
- Tunjuk Hala Tuju Kerjaya (25 Julai 2007), Harian Metro
- Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Yahya Emat (1996). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia*. Selangor Darul Ehsan: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zaccaria, J.S. (1969). *Approach to Guidance Contemporary Education*. Pennsylvania : International Text Book Co
- Zakaria Abdul Rahman (1985). *Sebab-Sebab Ibu Bapa Menghantar Anak-Anak Mereka Ke Sekolah Akademik atau sekolah Vokasional*. Jurnal Pendidikan: 80- 83. Tidak diterbitkan.